

Soalan Lazim Kempen Pru-Ease

1. Apakah kempen ini dan tujuannya?

Kempen ini dijalankan sejajar dengan agenda Nasional dan Bank Negara Malaysia (BNM), dimana ia bertujuan untuk mendorong pengguna untuk memilih kaedah e-pembayaran. PruBSN juga menjalankan suatu kempen yang mendorong Para Peserta kami, yang kini melakukan pembayaran sumbangan melalui kaedah tunai/cek untuk menukar kepada kaedah pembayaran Debit Terus (FPX) Berulang melalui PruBSN Touch.

2. Bilakah tempoh kempen ini?

Kempen ini bermula pada 16 Disember 2020 – 18 Januari 2021 (Termasuk kedua-dua tarikh).

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

- Kempen ini terbuka kepada semua Para Peserta PruBSN yang melakukan sumbangan melalui kaedah pembayaran tunai/cek.
- Para Peserta mesti melakukan pendaftaran untuk kaedah pembayaran **Debit Terus (FPX) Berulang melalui PruBSN Touch** dan mengekalkan pembayaran sumbangan berulang selama **enam (6) bulan** berturut-turut.
- Pendaftaran bermula pada bulan Disember, pembayaran sumbangan berulang perlu dikekalkan dari 1 Januari – 30 Jun 2021.

4. Apakah yang akan ditawarkan kepada pelanggan jika pelanggan menyertai kempen ini?


Pelanggan berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM80 dan juga berpeluang untuk memenangi RM500 daripada Cabutan Rezeki.

5. Apakah hadiah-hadiah untuk kempen ini?

- RM80 x 1,000 Pemenang Pertama (berdasarkan pemilihan pemenang yang dinyatakan dalam Klausa 4 pada Terma dan Syarat)
- Cabutan Rezeki: RM500 x 5 Pemenang (berdasarkan pemilihan pemenang yang dinyatakan dalam Klausa 4 pada Terma dan Syarat)

6. Apakah cara menyertai kempen ini?

- a) Layari app.prubsn.com.my/PruBSNTouch
- b) Daftar ke PruBSN Touch (jika Peserta belum lagi mendaftar ke PruBSN Touch)



c) Para Peserta hendaklah melakukan langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Log masuk ke PruBSN Touch

Langkah 2: Klik pada Sumbangan >> **Pendaftaran Debit Terus**

Langkah 3: Pilih “**Debit Terus (FPX)**” sebagai cara barayan anda dan pilih satu Sijil untuk pendaftaran pada satu masa

Anda hanya boleh memilih satu sijil pada satu-satu masa.

Pendaftaran Debit Terus & Kad

Cara Bayaran: -- Sila Pilih --

☐ Nombor Sijil: 87337277 | Nama Orang yang Dilindungi: NB NAM AAMAN HAKIM | Status: Berkualiti | Telah didaftarkan: Tidak

☐ Sila tandakan di dalam kotak sekiranya Peserta adalah Pembayar

Setorannya

Langkah 4: Isi semua butiran, tandakan pada kotak akuan dan klik "Teruskan"

Langkah 5: Selesaikan transaksi anda di **Halaman Log Masuk FPX Internet Bank**

Langkah 6: Proses selesai. Anda boleh melihat transaksi pendaftaran anda di Sumbangan >> Sejarah Pendaftaran

d) Sijil Para Peserta mesti berstatus aktif pada tempoh enam (6) bulan pembayaran sumbangan berulang.

e) Para Peserta digalakkan untuk memberikan nombor akaun bank yang sah atau mengemaskini maklumat akaun mereka melalui PruBSN Touch (untuk pemindahan wang hadiah).

7. Bolehkah pelanggan menyertai kempen ini jika Sijil berstatus **aktif** apabila mereka memilih kaedah pembayaran **Debit Terus (FPX) Berulang**, tetapi Sijil **luput** apabila kempen ini berakhir (**30 Jun 2021**)?

Tidak. Sijil Peserta mesti berstatus aktif apabila mereka memilih kaedah pembayaran Debit Terus (FPX) Berulang dan Sijil harus dikekalkan aktif dari 1 Januari – 30 Jun 2021.

8. Bolehkah pelanggan menyertai kempen ini jika Sijil telah luput pada masa mereka mendaftar untuk kaedah pembayaran Debit Terus (FPX) Berulang?

Ya. Sekiranya Sijil Peserta luput pada tahun 2020, Sijil harus terdahulu diaktifkan semula untuk layak menyertai kempen ini.

9. Adakah penyertaan takaful baharu atau sumbangan diperlukan untuk menyertai kempen ini?

Tidak. Tiada penyertaan takaful baharu atau sebarang pembayaran diperlukan untuk menyertai kempen ini.

10. Bagaimanakah para peserta mengetahui bahawa mereka telah menang? Bilakah pengumuman pemenang akan dilakukan?

Nama pemenang dan 4 digit terakhir no kad pengenalan pemenang akan dipaparkan di laman web korporat rasmi PruBSN, laman media sosial Facebook dan Instagram dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja selepas 30 Jun 2021.

11. Bagaimanakah pemenang menerima wang hadiah mereka?

PruBSN akan menguruskan pindahan wang hadiah ke dalam akaun bank pemenang dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari bekerja selepas Pengumuman Pemenang.

(Para Peserta digalakkan untuk mengemaskini/memberikan nombor akaun bank yang sah kepada PruBSN untuk pemindahan wang hadiah dengan tepat.)

12. Bolehkah pemenang menukar hadiah yang dimenangi daripada kempen ini dengan hadiah lain yang serupa nilainya?

Tidak. Wang hadiah tidak boleh ditukar atau ditebus untuk sebarang hadiah lain.

13. Dalam terma dan syarat, dinyatakan bahawa kempen ini terbuka untuk semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Adakah ini bermakna hanya terbuka kepada Pemegang/Peserta Sijil?

Ya. Kempen ini hanya terbuka untuk Pemegang/Peserta Sijil – dimana mereka juga merupakan pengguna berdaftar PruBSN Touch. (Sila rujuk Klausula 1 pada Terma dan Syarat).

14. Bolehkan pelanggan memenangi lebih daripada satu (1) hadiah?

- Ya, kempen ini tidak terhad kepada satu (1) Peserta untuk setiap hadiah.
- Pelanggan boleh memilih kaedah pembayaran Debit Terus (FPX) Berulang, tidak terhad kepada bilangan Sijil dan masih layak mendapat hadiah sekiranya kriteria di Klausula 1 terma dan syarat kempen ini dipenuhi.

- 15. Adakah terdapatnya surat/SMS/Panggilan atau platform lain dimana pemenang akan dimaklumkan atas pengumuman selain daripada yang dipaparkan di laman web korporat rasmi PruBSN, laman media social Facebook dan Instagram? Sekiranya tidak, bagaimana jika pemenang terlepas pengumuman tersebut?**

PruBSN akan hantar pemberitahuan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada semua pemenang.

- 16. Saya telah berjaya mendaftar pada tempoh kempen, tetapi Sijil saya ditamatkan kemudian. Adakah saya masih layak untuk mendapatkan wang hadiah?**

Tidak. Sijil anda mesti berstatus aktif sehingga 30 Jun 2021.

- 17. Adakah sesiapa yang boleh saya hubungi untuk penjelasan lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan lanjutan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan PruBSN di 03-2775 7188 atau e-mel ke customer@prubsn.com.my

-----TAMAT-----